

# Sesi 3: Kesedaran Diri & Memahami Masalah Pembelajaran



**Persatuan Advokasi Diri**  
Orang Bermasalah Pembelajaran  
Selangor & Kuala Lumpur

# Bincangkan

- 1) Senaraikan sikap-sikap OKU yang tidak ada kesedaran tentang keadaan diri
- 2) Senaraikan sikap-sikap OKU yang ada kesedaran tentang keadaan diri

# **Kepentingan kesedaran diri**

# Kepentingan kesedaran diri

- OKU yang mempunyai kesedaran diri akan memahami keadaan diri.
- Kefahaman diri melibatkan pengetahuan tentang masalah pembelajaran yang dihadapi. Contohnya, kesukaran membaca disebabkan mempunyai disleksia.



Johari menyedari dirinya mempunyai masalah mengira-  
Discalculia

# Kepentingan kesedaran diri

- OKU yang mempunyai kesedaran diri boleh menerima keadaan diri.
- Jika OKU menerima keadaan diri sendiri, mereka akan mengatasi perasaan rendah diri dengan lebih berkesan.



Tan Seng Kit mempunyai Autisme dan mempunyai bakat melukis.

# Kepentingan kesedaran diri

- Kesedaran diri boleh meningkatkan keyakinan diri.
- OKU akan lebih yakin menyuarakan diri dengan kesedaran diri.
- Mereka juga akan yakin bekerja dan menghadapi cabaran kehidupan.



Pelatih yakin memberi ucapan.

# Kepentingan kesedaran diri

- Mempelajari cara-cara mengatasi cabaran masalah pembelajaran yang dihadapi:
  - fizikal
  - akademik atau
  - emosi.



Nazmi boleh memberi ucapan walaupun mempunyai masalah pertuturan disebabkan oleh cerebral palsy

# Kepentingan kesedaran diri

- Mempelajari cara-cara memberitahu orang lain tentang keadaan diri.



OKU boleh  
memberitahu orang lain  
bahawa dirinya mempunyai  
mempunyai masalah  
pembelajaran semasa temuduga

# Kepentingan kesedaran diri

- OKU yang tidak boleh bertutur boleh memberitahu orang lain dengan menggunakan bahasa isyarat/makaton.



Jonathan menggunakan bahasa isyarat untuk bercakap terima kasih.

**Cara mengajar  
OKU bermasalah pembelajaran  
tentang keadaan diri**

- Gunakan cara kefahaman yang bersesuaian dengan tahap keupayaan setiap individu.
- Pelatih yang mempunyai masalah pembelajaran tahap rendah boleh diajar secara sistematik dengan menunjukkan setiap langkah.



Pn Nareah mengajar Shikin membuat kad dengan menunjukkan bagaimana menampal kad.

- Tanya pelatih apakah cabaran atau kesukaran yang mereka hadapi.
- Pelatih boleh memberitahu cikgu apakah kelemahan diri supaya cikgu boleh membantu pelatih.



Pelatih memberitahu cikgu apakah kebolehan dan kesukaran yang dihadapi

- Terangkan sebab-sebab yang mengakibatkan ketidakupayaan yang dihadapi oleh pelatih secara mudah difahami.



Cikgu menerangkan masalah yang dihadapi oleh Lay Ling iaitu autisme.

- Pengetahuan guru/penjaga mengenai keadaan dan ciri-ciri masalah pembelajaran adalah penting.



Pn Fadzillah memberi anugerah pekerja baik kepada Alvin yang mempunyai Williams Syndrome.

- Beritahu pelatih cara-cara yang boleh digunakan untuk mengatasi cabaran yang diakibatkan oleh masalah pembelajaran.



Pn Chia mengajar Basri supaya menggunakan template untuk menampal bookmark.

- Mengajar pelatih membuat biskuit di United Voice.



- Pekerja dilatih menyusun biskuit dalam dulang.



- Memberi motivasi kepada OKU untuk menghadapi cabaran secara positif.
- Cikgu boleh mengalakkan OKU dengan percakapan yang positif dan memberi ganjaran.



Swee Lan memberi anugerah pekerja cemerlang kepada Izzuddin.

- OKU harus diajar untuk meminta bantuan daripada orang lain jika menghadapi cabaran mengatasi masalah.
- Cikgu boleh mengajar OKU untuk bertanya soalan apabila menghadapi masalah.



Jennifer meminta bantuan Moh Foong apabila menghadapi masalah menggunakan komputer.

**Cara-cara OKU  
bermasalah pembelajaran  
menyedari dan memahami  
keadaan diri**

# Kesedaran ibubapa

- Pengaruh ibubapa – kesedaran ibubapa tentang masalah pembelajaran dan kepentingan kesedaran diri adalah penting.
- OKU lebih mudah memahami dan menerima keadaan diri jika ibubapa menerima keadaan anak mereka.



Pn Fadzillah memahami keadaan anak perempuannya Intan yang mempunyai masalah Attention Deficit Disorder(ADD)

# Pendidikan di sekolah atau pusat

- OKU akan mempunyai kesedaran diri apabila sekolah atau pusat mengajar OKU apakah itu masalah pembelajaran.



Perbincangan  
diantara OKU  
dan cikgu

# Pengaruh rakan sebaya

- Rakan sebaya yang saling berkongsi pengalaman dan memberi dorongan diantara satu sama lain adalah pengaruh yang baik.

Ahli-ahli kumpulan di UV berkongsi pendapat dan pengalaman semasa perjumpaan sosial.



# Kesedaran dan kefahaman tentang masalah pembelajaran



Walaupun Jonathan mempunyai Down Syndrome, dia boleh menyedari keadaan diri dan menerima diri dengan gembira

**Bekerjasama dengan  
penjaga dan ibubapa**

- Ibubapa yang menerima keadaan anak berjaya mendidik anak dengan lebih berkesan.



Cynthia mempunyai keluarga yang menerima keadaannya dan mendidiknya menghadapi cabaran Down Syndrome.

- Ibubapa perlu pengetahuan mengenai keadaan anak dan bagaimana membantu anak mereka meningkatkan kemahiran kesedaran diri.



Pn Mariah membantu anaknya Aida mendapat Elaun Pekerja Cacat



# Kisah Daisy Rohini

# Kisah Daisy

- Daisy salah seorang anak kembar yang mengalami masalah pembelajaran.
- Daisy hanya mula berjalan semasa umur 2 tahun dan mula bercakap semasa umur 4 tahun.



# Kesedaran Diri

- Sejak kecil lagi, ibubapa dan kakak kembar Daisy mengajar Daisy bagaimana mengatasi cabaran yang dihadapinya.
- Daisy seorang yang mempunyai kesedaran diri sebab mendapat sokongan keluarga.



Daisy dan bapanya

# Keluarga Daisy

- Daisy mempunyai seorang kakak kembar, Doris, yang sentiasa memberi sokongan kepada Daisy.
- Kakak Daisy memahami keadaan Daisy dan selalu membantu Daisy.



Daisy dan kakaknya, Doris semasa harijadi mereka

- Ibu bapa Daisy memahami dan menerima Daisy sebagai seorang bermasalah pembelajaran.
- Ibubapa Daisy mengajar Daisy supaya memahami masalah pembelajaran yang dihadapinya.



Daisy dan ibubapanya

# Latihan di Pusat Wisma Harapan

- Daisy juga diajar di sekolah dan pusat supaya boleh memahami keadaan diri dan mendapat latihan yang sesuai dengan tahap kefahaman Daisy.
- Daisy menghadiri latihan di Wisma Harapan selama 20 tahun.



Daisy belajar menjahit di Wisma Harapan

- Daisy juga belajar mencantumkan bunga di Wisma Harapan.
- Daisy menaiki bus ke Wisma Harapan dengan bantuan kakaknya.



# Daisy mendapat latihan kerja di PERKOBP



Packing Sos Chili dan Tomato untuk KFC

- Daisy seorang yang mempunyai keyakinan diri.



Daisy memenangi pingat dalam acara Special Olympic

- Kini, Daisy berumur 56 tahun dan sedang bekerja di United Voice.



- Daisy bekerja dalam bakery di United Voice.
- Petugas mengajar Daisy secara praktikal.





Kisah Seng Kit

# Zaman kecil Seng Kit

- Seng Kit seorang yang mempunyai Autisma.
- Ibubapa mengetahui bahawa Seng Kit mempunyai Autisma pada umur 6 tahun.



Seng Kit berumur 6 tahun

# Zaman persekolahan

- Ibu Seng Kit menerima keadaan anaknya dan dia cuba untuk membantu Seng Kit belajar.
- Seng Kit belajar di sekolah dan selalu ditemani oleh ibunya untuk membantu Seng Kit dalam proses pembelajaran.
- Selepas sekolah rendah, Seng Kit mendapat latihan di pusat untuk belajar kemahiran urus diri.

# Peranan ibu bapa

- Seng Kit menghadapi masalah pertuturan dan kesukaran memberitahu orang lain tentang masalahnya.
- Tetapi ibu Seng Kit mengajar Seng Kit supaya bercakap dan menerima keadaan diri.
- Seng Kit juga melukis gambar untuk berkomunikasi dengan keluarganya.




# Kesedaran Diri

- Seng Kit mula mempunyai minat melukis semasa kecil lagi.
- Pada umur 14 tahun, seorang guru mengajar Seng Kit melukis dan mencungkil bakat Seng Kit.



# Lukisan Seng Kit

- Kini, Seng Kit berumur 24 tahun dan seorang pelukis.
- Ibu Seng Kit sentiasa memberi dorongan kepada Seng Kit untuk melukis.




Seng Kit melukis di pameran Seni


# Lukisan Seng kit











- Seng Kit bekerja di United Voice dan menjual lukisannya untuk mendapat pendapatan.



# Kesedaran Diri

- Walaupun Seng Kit menghadapi cabaran bertutur, dia sedar bahawa dirinya boleh melukis dengan baik.
- Seng Kit tidak putus asa untuk belajar melukis.
- Ibu Seng Kit bersyukur mempunyai anak seperti Seng Kit yang dianugerahkan oleh Tuhan.

Terima Kasih